



MyTax

Gerbang Informasi Percukaian

Web Responsif & Aplikasi Mobile Single Sign-On Untuk Semua Perkhidmatan Dashboard Ringkas & Padat

e-Lejar

Butiran Peribadi, Transaksi Lejar & Kedudukan Cukai Terkini!

e-Lejar @ mytax.hasil.gov.my



Bersama Membangun Negara

1. PENSTRUKTURAN BAKI CUKAI

LHDNM amat prihatin dan memahami pembayar cukai yang terkesan dengan situasi semasa. Justeru, mereka yang mempunyai masalah dalam melunaskan tunggakan cukai digalakkan hadir ke cawangan yang menguruskan fail mereka bagi perbincangan penstrukturan bayaran tunggakan cukai.

Janji temu untuk perbincangan tersebut boleh dibuat melalui <https://janjitemu.hasil.gov.my/>.

Semakan baki yang perlu dibayar boleh dibuat melalui e-Lejar dan bayaran cukai pula menerusi ByrHasil yang boleh diakses dalam MyTax di pautan <https://mytax.hasil.gov.my/>.

3. KETAHUI HAK ANDA

Jika anda tidak berpuas hati terhadap taksiran yang dibangkitkan oleh LHDNM, anda berhak merayu di bawah Seksyen 99 Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 sekiranya tertakluk di bawah keadaan berikut :

- Taksiran / taksiran tambahan / taksiran pendahuluan / notis pemberitahuan tidak kena cukai hasil daripada penemuan audit atau siasatan,
- Taksiran anggaran yang dibuat tanpa Borang Nyata (BN) atau BN lewat dikemukakan iaitu di luar tempoh yang ditetapkan di bawah Subseksyen 90(3) ACP atau taksiran anggaran di bawah Subseksyen 91(1) ACP; atau
- Taksiran disifatkan atau taksiran disifatkan untuk BN terpinda di mana pembayar cukai tidak bersetuju dengan layanan cukai yang dinyatakan di dalam ketetapan umum atau pendirian, ketetapan dan amalan LHDNM yang terdapat semasa taksiran itu dibuat.

Maklumat lanjut berhubung rayuan taksiran boleh dirujuk dalam Ketetapan Umum No.7/2020 melalui Portal Rasmi LHDNM, www.hasil.gov.my > Perundangan > Ketetapan Umum.

5. TIP PELEPASAN 132 DAN 133

SEKSYEN	PUNCA PENDAPATAN	METERAI PERJANJIAN PENGELAKAN PENCUKAIAN DUA KALI (PPPDK) DENGAN MALAYSIA?	DOKUMEN TAMBAHAN
132	Dari Luar Malaysia	ADA	Helaian Kerja 8
133		TIADA	Helaian Kerja 9

Pembayar cukai perlu mengemukakan dokumen pelaporan cukai dengan negara asal tersebut bersama-sama pengiraan dalam helaian kerja berkaitan sekiranya diperlukan bagi tujuan audit. Helaian kerja ini boleh diakses daripada Portal Rasmi LHDNM, www.hasil.gov.my > Borang > Muat Turun > Individu.

2. POTONGAN DERMA YANG DILULUSKAN

Peruntukan akta ini sering dikaitkan dengan sumbangan kepada tabung yang ditubuhkan oleh sesebuah institusi dan organisasi yang diluluskan oleh LHDNM. Amaun ini akan diambil kira sebagai potongan oleh penderma/penyumbang dalam mengira jumlah pendapatan. Sekiranya sesebuah institusi dan organisasi telah mendapat kelulusan daripada LHDNM, mereka perlu memaparkan nombor rujukan kelulusan tersebut dalam penyata atau resit yang dikeluarkan kepada penderma/penyumbang.

PERHATIAN : Penderma/penyumbang perlu memastikan kelulusan atas sumbangan kepada institusi dan organisasi tersebut adalah masih sah.

Garis panduan berkaitan Subseksyen 44(6) serta senarai institusi dan organisasi yang diluluskan boleh disemak dalam Portal Rasmi LHDNM, www.hasil.gov.my.

4. PINDAH ATAU TUTUP FAIL CUKAI

Permohonan memindahkan fail cukai ke cawangan lain boleh dibuat sekiranya:

- Alamat surat menyurat baharu di bawah pentadbiran cawangan yang lain, atau
- Permohonan pemindahan fail cukai diterima daripada pembayar cukai ke cawangan yang dikehendaki.

Permohonan penutupan fail cukai boleh dikemukakan jika anda memenuhi salah satu syarat berikut:

- Telah bersara dari perkhidmatan dan tidak mempunyai pendapatan yang boleh dikenakan cukai,
- Akan meninggalkan Malaysia buat selama-lamanya, atau
- Tiada pendapatan yang boleh dikenakan cukai serta umur pembayar cukai telah melebihi 55 tahun.

Kedua-dua permohonan di atas perlu dibuat secara bertulis ke cawangan yang menguruskan fail cukai anda.

PERHATIAN: Pastikan anda tiada tunggakan cukai sebelum mengemukakan permohonan.